

**Anggota Umno Kelantan Perlu Dengar Nasihat TPM - Mustapa
Bernama
15 September, 2012**

TANAH MERAH, 15 Sept (Bernama) -- Anggota Umno di Kelantan perlu mendengar nasihat Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika melawat negeri itu agar tidak terlibat mensabotaj parti pada pilihan raya umum ke-13 akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata nasihat itu perlu dijadikan azimat kepada anggota Umno berjuang habis-habisan bagi memastikan Barisan Nasional (BN) menawan semula negeri itu. "Ini ingatan kepada semua dan kita tidak ada masa yang banyak memikirkan perkara yang remeh temeh. Pilihan raya ini sangat penting dalam konteks Kelantan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Tanah Merah di sini.

Pada Jumaat, Muhyiddin berkata mana-mana anggota Umno yang terbabit dalam mensabotaj parti pada pilihan raya umum ke-13, akan dikenakan tindakan disiplin termasuk dipecat keanggotaan parti serta-merta.

Timbalan Presiden Umno itu berkata parti akan melantik pasukan pemantau bebas yang tiada siapa pun mengetahui individu yang dilantik itu untuk memantau tindakan sabotaj oleh anggota parti.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694936>